

## Penilaian Tahap Etika Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sistem Pengurusan Pejabat (BM232) UiTM Pahang dan Hubungkait Pandangan Sikap Beretika di dalam Perniagaan

Zuria Akmal bt Saad

*Fakulti Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, UiTM Cawangan Pahang, Jengka*

**Abstrak:** Isu mengenai perbuatan tidak beretika (rasuah, menipu, pecah amanah) di dalam dunia perniagaan bukanlah sesuatu yang baru. Malaysia juga tidak terkecuali dengan isu-isu yang melibatkan pecah amanah, rasuah dan berbagai lagi kes penyelewengan yang sekaligus telah meletakkan skor CPI (Corruption Perceptions Index) Malaysia menurun dan menjadikan negara ke tangga 62 berbanding 180 negara yang lain. Di Malaysia, kajian mengenai sikap beretika pelajar pengurusan perniagaan adalah masih di tahap kurang. Namun di luar negara, kajian mengenai sikap beretika ini telah banyak dikaji dan hasil kajian mendapati matapelajaran atau sub topik kepada pembelajaran beretika telah giat diperkenalkan di dalam sistem pembelajaran. Namun yang menjadi isu adalah pelajar berpandangan mereka adalah lebih beretika daripada mereka yang menyeleweng di dalam dunia perniagaan. Ini adalah tidak seimbang kerana pelajar merasakan menipu dalam aspek pembelajaran adalah biasa namun mereka yang menyeleweng dalam perniagaan adalah dianggap tidak beretika. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengukur keseimbangan diantara perlakuan beretika pelajar dan pandangan terhadap sikap beretika di dalam perniagaan. Seramai 85 orang pelajar dari Program BM232 telah menjawab soal selidik ini. Semua data yang diperolehi melalui instrumen dianalisa secara statistik deskriptif dan korelasi dengan menggunakan SPSS 22.0 Kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini telah diuji dan Alpha Cronbach yang diperolehi adalah melebihi 0.7. Nilai skor min menunjukkan kesemua item melebihi 3.68 dimana tahap sikap beretika pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Pejabat adalah ditahap sangat beretika. Manakala untuk pandangan pelajar terhadap sikap beretika di dalam perniagaan pula adalah bacaan mean 1.26 – 2.21 dimana menunjukkan pelajar jelas mengenai perbuatan tidak beretika di dalam perniagaan. Ujian Korelasi Pearson untuk hubungkait di antara Sikap Beretika Pelajar dan Pandangan terhadap Sikap Beretika di dalam Perniagaan pula menunjukkan kedua-dua variable ini mempunyai hubungan yang kuat iaitu  $>0.6$ . Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati tahap penilaian sikap beretika pelajar adalah berada pada tahap sangat beretika dan seimbang dengan penilaian pandangan terhadap sikap tidak beretika di dalam perniagaan. Pelajar juga secara keseluruhannya menunjukkan mereka faham akan keperluan sikap beretika dan tahu membezakan sikap baik dan buruk. Keputusan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pihak yang berkenaan bagi membantu meningkatkan lagi konsep kefahaman dan amalan kepentingan sikap beretika.

Kata kunci: Beretika, Pandangan, Pembelajaran, Perniagaan

### 1. Pengenalan

Isu mengenai perbuatan tidak beretika (rasuah, menipu, pecah amanah) di dalam dunia perniagaan bukanlah sesuatu yang baru. Ia tidak terkecuali kepada ahli politik, atlet, pegawai mahupun individu (Gentia, Le-Pin Tang & Gu, 2017). Malahan di Malaysia, setiap bulan terdapat tangkapan yang dibuat terhadap mereka yang terlibat di dalam kes rasuah. Ini sekaligus telah menyumbang penurunan kepada skor CPI (Corruption Perceptions Index) negara pada tahun 2017 iaitu 47 daripada 100 berbanding tahun 2016 iaitu 49. Skor CPI dinilai dengan skala 'kosong' (dianggap paling rasuah) kepada 100 (paling bersih) dan ianya ditentukan menurut tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara. Rentetan penurunan skor ini, laporan indeks dari Transparency International Malaysia (TI-M) menyatakan Malaysia berada di tangga ke-62 daripada 180 negara berbanding ke-55 daripada 176 negara

pada 2016 (Berita Harian, 2018). Keadaan ini telah menyebabkan, penyelidik tertanya-tanya akan permulaan kepada perbuatan tidak beretika ini. Mereka beranggapan ianya sudah tentu menjadi kebiasaan individu dari kecil atau perkara yang biasa dilakukan (menipu di dalam pembelajaran) dan lama kelamaan ianya menjadi tabiat untuk bersikap demikian (Gentia, et, al. 2017).

Kajian mengenai pembelajaran etika di dalam perniagaan telah banyak dilakukan. Antara kajian yang mendapat perhatian adalah mengenai sikap menipu pelajar dan kesan perlakuan mereka pada masa hadapan. Kajian mendapati menipu di dalam aspek pembelajaran adalah perkara yang biasa dan kebanyakan pelajar ada sedikit sebanyak terlibat di dalam perlakuan tidak beretika (Lawson, 2004). Kenyataan ini juga disokong oleh kajian dari Harding, Carpenter, Fineli & Passow (2004), malah antara sebab lain pelajar ini menipu adalah kerana kurang kefahaman mengenai sesuatu subjek. Keadaan ini akan menyebabkan fakulti akan tersalah tafsir akan kemampuan dan kebolehan pelajar dan sekaligus turut melibatkan penilaian salah dari majikan. Masalah akan lebih membimbangkan jika perlakuan kurang beretika di dalam pembelajaran berterusan kepada perlakuan kurang beretika di dalam dunia perkerjaan. Kajian juga mendapati perlakuan tidak beretika pada masa sekarang adalah berkait dengan perlakuan mereka pada masa akan datang. Ini adalah disokong oleh Theory Planned Behavior dimana mendapati pelajar yang menipu akan cenderung melakukan perbuatan negatif seperti memandu secara merbahaya, berpelesenan diwaktu bekerja, mencuri alatan pejabat dan juga menipu dalam laporan cukai pendapatan (Harding, et. E., 2004).

## 2. Penyataan Masalah

Kajian lepas mendapati bahawa, peratusan tertinggi perlakuan tidak beretika di dalam dunia perniagaan adalah datang daripada mereka yang mengambil bidang pengurusan perniagaan (Harding, et. E., 2004). Keadaan ini amatlah membimbangkan kerana, pada dasarnya pelajar yang mengambil jurusan pengurusan perniagaan adalah bakal menguruskan organisasi pada masa akan datang. Di Malaysia, kajian mengenai sikap beretika pelajar pengurusan perniagaan adalah masih di tahap kurang. Namun di luar negara, kajian mengenai sikap beretika ini telah banyak dikaji dan hasil kajian mendapati matapelajaran atau sub topik kepada pembelajaran beretika telah giat diperkenalkan di dalam sistem pembelajaran. Kajian dari Lawson (2004) mendapati bahawa pelajar berpandangan mereka adalah lebih beretika daripada mereka yang menyeleweng di dalam dunia perniagaan. Ini adalah tidak seimbang kerana mereka merasakan menipu dalam aspek pembelajaran adalah biasa namun mereka yang menyeleweng dalam perniagaan adalah dianggap tidak beretika. Oleh yang demikian, para pendidik merasakan pembelajaran etika di dalam perniagaan adalah sesuatu yang perlu dititiberatkan sebagai persediaan dan pendedahan kepada pelajar mengenai isu tersebut (Ballantine, Xin Guo & Larres, 2016). Ini adalah kerana pelajar adalah bangsa pada masa hadapan. Bagaimana didikan diberikan, begitulah penentuan kepada masa depan negara. Di Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, semua pelajar adalah diwajibkan mengambil subjek ASM401 (Asas kepada Perniagaan) dan sebahagian daripada topik tersebut adalah mengenai Etika dan Tanggungjawab Sosial dalam Pengurusan Perniagaan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengukur keseimbangan diantara perlakuan beretika pelajar dan pandangan terhadap sikap beretika di dalam perniagaan. Tujuan kajian ini dilakukan untuk menilai sejauh mana pembelajaran beretika dapat mempengaruhi perilaku dan pemikiran (pandangan) pelajar mengenai perlakuan beretika iaitu samada di dalam pembelajaran mahupun pengurusan perniagaan. Kajian ini bagaimanapun, hanya melibatkan penilaian pelajar-pelajar dari Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Pahang sahaja dan penilaian kajian hanyalah melibatkan sikap beretika pelajar di dalam aspek pembelajaran.

Objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengukur tahap perilaku beretika pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pejabat (BM2323), UiTM Cawangan Pahang
2. Mengukur pandangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pejabat (BM2323), UiTM Cawangan Pahang terhadap sikap beretika di dalam pengurusan perniagaan
3. Menilai hubungkait diantara perilaku pelajar BM232 dan pandangan terhadap sikap beretika di dalam menguruskan perniagaan.

### 3. Literatur Kajian

#### Etika

Etika membawa maksud perlakuan yang dipersetujui betul atau salah tanpa mengira individu, kumpulan, masyarakat atau sesebuah organisasi. Contohnya mencuri, ianya adalah dianggap kesalahan dimana-mana pun di dalam dunia ini. Etika juga merupakan prinsip yang digunakan sebagai rujukan kepada perlakuan. Etika dalam perniagaan pula membawa maksud prinsip dalam menjalankan transaksi perniagaan (Velasquez, 2006).

#### Pandangan Pelajar Terhadap Sikap Beretika

*“On the one hand, collegians strongly disapprove of what they perceive as the businessman’s lack of integrity. On the other hand, many college students occasionally cheat on examinations. One wonders how collegians explain this apparent inconsistency. Are their temptations more severe than the businessman’s? Do they regard it as less reprehensible to be unethical in academic matters than in economic? If so, why? (Baumhart, 1968, p. 19)”*

Petikan diatas menunjukkan ketidakseimbangan pandangan pelajar dan perbuatan mereka. Para penyelidik mendapati ini adalah isu yang perlu dikaji kerana pandangan/ penilai pelajar adalah penentu kepada perbuatan mereka pada masa akan datang. Pelajar merasakan mereka yang yang menyeleweng di dalam bidang perniagaan (rasuah, pecah amanah, menipu dan lain-lain) adalah sangat tidak beretika, namun mereka tetap terlibat dalam perbuatan yang tidak beretika di dalam pembelajaran (Lawson, 2014). Kajian mendapati pelajar akan bersikap sedikit tidak beretika jika ianya adalah untuk kemajuan karier. Ini menunjukkan bahawa pelajar merasakan tidak salah melakukan sesuatu perbuatan tidak beretika jika ianya atas desakan peribadi. Penulis merumuskan bahawa, etika adalah suatu pandangan yang personal. Dimana pelajar menganggap tidak meletakkan petikan adalah tidak dikira menipu. Menipu hanyalah menipu di dalam peperiksaan.

Etika adalah sesuatu yang dapat dibentuk melalui pembelajaran kerana ianya menjadikan seseorang akan lebih peka terhadap perlakuan beretika walaupun ianya bukanlah jaminan untuk seseorang akan bersikap beretika (Suwardi, Artiningishi, dan Novawan, 2014). Pendapat lain menyatakan, etika adalah sesuatu yang bermula dari kecil Rohatyn (1987) dan walaupun ianya boleh dididik namun perubahan sikap beretika ini hanyalah bersikap sementara.


#### Sikap beretika dalam pembelajaran

Isu menipu di dalam aspek pembelajaran bukanlah perkara baru yang diperkatakan. Malahan ianya telah menjadi isu global dikalangan ahli akademik seperti US (McCabe & Trevino 1993, 1997), the UK (Park 2003), Australia (Stuhmcke, Booth, and Wangmann 2016), Japan (Diekhoff et al. 1999) and Malaysia (Imran and Nordin 2013). Ia boleh dikatakan sebagai salah satu perlakuan tidak beretika dan melanggar norma integriti di dalam akademik (Zhang, Yin & Zhen, 2018). Oleh yang demikian, para akademik memandang serious pembelajaran etika dan merasakan ianya perlu dimulakan dari peringkat awal lagi. Ini adalah kerana sikap pelajar pada masa akan datang tidak hanya ditentukan oleh pemikiran dan anggapan mereka sendiri tanpa didikan, peringatan dan asuhan mengenai pentingnya bersikap etika, (West, Ravenscroft & Shredder di petik dari Mai-Delton 1987). Walaupun pendidikan mengenai etika hanya membawa perubahan sementara kepada sikap individu, namun telah banyak Insititusi Pendidikan memperkenalkan subjek etika dalam perniagaan di dalam ko kurikulum atau sebagai sebahagian dari satu subjek atau jurusan (Suwardi et. al, 2014). Antara penyebab yang menyumbang kepada sikap tidak beretika dalam pembelajaran adalah disebabkan kurangnya pendidikan mengenai sikap beretika di dalam pembelajaran. Selain itu, kajian juga mendapati, sikap tidak beretika di dalam pembelajaran selalu dilakukan oleh mereka yang belajar di luar negara kerana tidak memahami atau ambil peduli mengenai akibat daripada perbuatan tersebut dan kurangnya kefahaman mengenai keperluan teknikal seperti petikan (citation) yang betul juga adalah penyumbang kepada perlakuan ini (Zhang et, el. 2018).

Kajian daripada Ballantine, Xin Guo & Lorres (2018) mengenai ramalan sikap bakal pengurus dengan mengkaji sikap tidak jujur pelajar menggunakan teori *Approaches to Learning* mendapati pelajar akan cenderung bersikap tidak beretika di dalam pembelajaran apabila mereka hanya mengamalkan *surface learning* (iaitu hanya dengan menghafal tanpa memahami). Manakala pelajar yang mengamalkan *deep learning* (iaitu menganalisa dan memahami konsep) pula kurang cenderung kepada perbuatan tidak beretika dalam pembelajaran seperti plagiat dan kesalahan lain semasa ujian atau peperiksaan. Menurut Park (2003) sikap tidak beretika dalam pembelajaran ini dikategorikan adalah sikap tidak bermoral. Ini adalah kerana ianya melibatkan daya penilaian pelajar terhadap

perlakuan betul/salah di dalam sudut akademik. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai etika yang tinggi akan kurang melakukan perkara tidak beretika daripada mereka yang mempunyai etika yang rendah yang lebih cenderung melakukan perbuatan tidak bermoral. Kajian dari Suwardi, Atiningsih & Novmawan (2014) mengenai pandangan pelajar mengenai sikap beretika mendapati bahawa, terdapat perbezaan pandangan diantara pelajar senior dan junior dan pelajar yang mempunyai latarbelakang yang professional (jurusan akaun, farmasi). Manakala pandangan terhadap sikap beretika tidak berbeza dari segi jantina dan jurusan pelajar. Pelajar mempunyai pandangan yang sama terhadap sesuatu tindakan etika/tidak beretika samada pelajar tersebut ada mempelajari subjek/jurusan etika atau tidak mempelajari. Ini menjelaskan bahawa pembelajaran etika tidak mempengaruhi penilaian seseorang tetapi sikap beretika ini haruslah di didik dari awal lagi.

#### 4. Kerangka Kajian



#### 5. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai sikap beretika pelajar dan hubungkait dengan pandangan terhadap sikap beretika dalam perniagaan yang hanya melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sistem Pengurusan Pejabat, Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan, UiTM Pahang. Kajian ini adalah daripada 103 orang pelajar yang mengambil subjek ASM 401 (Asas Perniagaan). Kajian ini memilih pelajar Ijazah Sarjana Muda dari Pusat Pengajian Pengurusan Gunaan kerana dalam subjek yang mereka pelajari, pelajar telah pun mempelajari mengenai sikap etika dalam perniagaan. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengetahui apakah pandangan pelajar ini mengenai sikap beretika dalam perniagaan dan bagaimana sikap pelajar sendiri dalam pembelajaran. Penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan soal selidik ke atas sampel. Soalan kajian telah diadaptasi dari Cheating Behavior Inventory (Ballantine, Xin Guo & Larres, 2016) dan Perceptions of Appropriate and Unappropriate Ethical Behavior (Cole and Smith, 1996). Soalan kajian telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama mengenai demografik dan bahagian kedua mengenai pengukuran tahap etika pelajar dan terakhir mengenai penilaian terhadap etika dalam perniagaan yang menggunakan likert scale (1-Sangat Tidak Beretika - 5- Sangat Beretika). Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak strata.

#### 6. Analisa & Dapatan Kajian

Sebanyak 103 soalan kajian telah diedarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan & Teknologi Pejabat (BM232), UiTM Pahang Cawangan Jengka. Daripada 103 soalan kajian, hanya 86 soalan yang telah diterima dan hanya 85 sahaja yang digunakan untuk analisa kajian.

Jadual 1: Bilangan soalan yang diperolehi

Program	Populasi	Jumlah Solan yang diedarkan	Jumlah Soalan yang dikumpul	Jumlah Soalan yang Digunakan
BM232	103	103	86	85
Total		103	86	85

## 7. Analisa Kepercayaan

Analisa kepercayaan ini diadakan bagi memastikan setiap soalan kaji selidik yang digunakan boleh dipercayai dan difahami oleh responden untuk menjawabnya. Ianya dilakukan melalui Ujian Kepercayaan yang dilakukan keatas keseluruhan data responden yang diperolehi dan hasil ujian kepercayaan tersebut adalah sebagaimana di Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach's Alpha bagi Sikap Beretika Pelajar iaitu .880 bagi dan Pandangan terhadap sikap beretika iaitu .072. Semakin nilai Cronbach Alpha menghampiri 1, semakin baik soalan kajian dimana ianya boleh dirumuskan sebagai boleh dipercayai (reliable) dan mudah difahami oleh responden.

Jadual 2: Analisa Kepercayaan

No.	Variables	Cronbach Alpa (n= 80)	Bilangan Soalan
1.	Sikap beretika pelajar	.880	10
2.	Pandangan terhadap sikap beretika	.782	10

Variable	Kekerapan	%
<u>Jantina</u>		
Lelaki	11	12.9
Perempuan	74	87.1
<b>Jumlah</b>	85	100.0
<u>Bahagian</u>		
1	61	71.8
2	5	5.9
3	4	4.7
4	2	2.4
6	13	15.3
<b>Jumlah</b>	80	100.00
<u>CGPA</u>		
1.00-1.99	0	
2.00-2.99	15	17.6
3.00-4.00	12	14.1
Tiada CGPA	28	68.2
<b>Jumlah</b>	80	100.0

Jadual 3: Latar Belakang Responden

Analisa diatas menunjukkan profile responden untuk kajian ini. Majoriti responden daripada kajian ini adalah pelajar perempuan iaitu sebanyak 87.1% dan selebihnya adalah pelajar lelaki iaitu sebanyak 12.9%. Selain itu, data menunjukkan majoriti responden adalah dari kalangan pelajar bahagian 1 iaitu sebanyak 71.8% dan diikuti dengan turutan dari bahagian lain- lain iaitu Bahagian 6 15.3%, Bahagian 2 sebanyak 5.9%, Bahagian 4 sebanyak 4.7% dan Bahagian 2 5.9%. Oleh kerana majoriti responden adalah pelajar Bahagian 1, 68.2% daripada mereka tidak mempunyai CGPA lagi kerana belum menduduki peperiksaan akhir. 17.2% pula adalah pelajar yang mempunyai CGPA 2.00-2.99 dan selebihnya (14.1%) adalah mereka yang mempunyai himpunan nilai gred 3.00 keatas.

### Soalan Kajian 1: Apakah tahap perlakuan beretika pelajar BM232 di dalam aspek pembelajaran?

Rajah dibawah menunjukkan analisa data bagi perlakuan beretika pelajar BM232 di dalam aspek pembelajaran. Analisa yang digunakan untuk menilai tahap perlakuan beretika pelajar ini adalah dengan menggunakan *descriptive statistics* bacaan *mean* dan *standard deviation*. Rajah 4 dibawah menunjukkan skor mean untuk tahap perlakuan beretika pelajar BM232 dalam pembelajaran. Analisa bacaan mean yang digunakan adalah merujuk kepada Best's Principles (Thaoprom, 2004).

Analisa bacaan mean yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Skor 1.00 - 2.33 = Tidak beretika
- Skor 2.34 - 3.67 = Beretika
- Skor 3.68 - 5.00 = Sangat Beretika

Jadual 4: Penilaian Perlakuan Pelajar

Jadual 4 adalah merujuk kepada analisa tahap perlakuan beretika Pelajar BM232 dalam pembelajaran. Tidak menyatakan petikan adalah salah satu sikap tidak beretika dalam pembelajaran. Bacaan mean menunjukkan hanya 3.6 pelajar tidak menyatakan petikan semasa membuat tugas. Bacaan mean bagi penilaian perlakuan sikap beretika pelajar adalah melebihi 3.68 dimana sikap beretika pelajar adalah di skor sangat tinggi beretika. Ini dapat dirumuskan bahawa pelajar BM232 mempunyai etika yang tinggi dalam pembelajaran. Keputusan penilaian ini adalah mungkin dipengaruhi oleh didikan semasa kecil dan juga pengaruh pelajaran etika yang dipelajari oleh pelajar. Ini adalah sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Suwardi et. al, 2014 bahawa etika adalah sesuatu yang dapat dibentuk melalui pembelajaran kerana ianya menjadikan seseorang akan lebih peka terhadap perlakuan beretika walaupun ianya bukanlah jaminan untuk seseorang akan bersikap beretika. Ini juga dapat dipengaruhi oleh tahap kefahaman pelajar sendiri yang maklum akan keperluan sikap beretika dan kesan akibat tidak mengamalkan sikap ini. Ini adalah berbeza dengan dapatan kajian kepada meraka yang belajar di luar negara dimana tidak memahami atau ambil peduli mengenai akibat daripada perbuatan tersebut dan kurangnya kefahaman mengenai keperluan teknikal seperti petikan (citation) yang betul juga adalah penyumbang kepada perlakuan ini (Zhang et, el. 2018).

Perlakuan Pelajar di dalam aspek Pembelajaran	Mean	Kerap %	Kerapkali %	Kadang-Kadang %	Jarang-jarang %	Tidak pernah %
Tidak menyatakan sumber rujukan	3.72	2.4	7.1	30.6	36.5	23.5
Tidak menyatakan petikan	3.6	1.2	15.3	28.2	32.9	24.2
Menipu bibliographi di dalam tugas	4.27	1.2	4.7	16.5	21.2	56.5
Meniru jawapan rakan	4.18	1.2	1.2	17.6	38.8	41.2
Menggunakan bahan terlarang semasa kuiz/ujian/peperiksaan	4.55	1.2	0	7.1	25.9	65.9
Membantu rakan semasa kuiz/ujian/peperiksaan	4.19	1.2	1.2	18.8	35.3	43.5
Menipu tidak sihat	4.80	1.2	0	2.4	10.6	85.9
Menipu untuk ambil ujian pada hari lain	4.86	1.2	0	0	9.4	89.4
Membuat tugas pelajar lain	4.88	1.2	0	1.2	4.7	92.9
Membocorkan soalan kepada pelajar lain	4.36	1	1	10.6	34.1	52.9

**Soalan Kajian 2: Apakah pandangan pelajar BM232 terhadap sikap beretika di dalam pengurusan perniagaan ?**

Jadual 5: Pandangan pelajar BM232 terhadap sikap beretika di dalam menguruskan perniagaan

Sikap tidak beretika di dalam perniagaan	N	Mean
Tidak salah jika majikan mengarahkan pekerja untuk terima /bersetuju pada sesuatu yang tidak benar demi kepentingan syarikat	85	1.47
Tidak salah menipu sekali sekala kerana pesaing juga melakukannya	85	2.21
Pekerja boleh melakukan kesalahan untuk kepentingan syarikat	85	2.25
Majikan tidak perlu peduli bagaimana kerja dilaksanakan asalkan hasil menguntungkan	85	1.87
Tidak salah memalsukan dokumen atas arahan majikan	85	1.25
Keuntungan lebih penting dari menghasilkan produk yang selamat	85	1.35
Tidak salah menipu pelanggan untuk menjaga prestasi syarikat	85	1.48
Tidak salah menipu kepada pekerja untuk kepentingan syarikat	85	1.55
Tidak salah menipu kepada majikan	85	1.62
Tidak salah menipu kepada pembekal	85	1.65

Rajah 5 menunjukkan bacaan mean kepada pandangan pelajar BM232 terhadap perlakuan tidak beretika di dalam perniagaan. Bacaan mean menunjukkan semua skor adalah berada diantara 1.25 terendah dan tertinggi 2.21. Berdasarkan bacaan mean yang ditetapkan oleh Best's Principles (Thaoprom, 2004) iaitu bacaan mean skor 1.00 -2.33 adalah tidak beretika. Ini menunjukkan bahawa pelajar BM232 berpandangan yang semua sikap diatas adalah sangat tidak beretika. Dapatan ini adalah sama dengan Lawson (2014) dimana pelajar berpandangan mereka yang menyeleweng dalam perniagaan adalah sangat tidak beretika. Tetapi dapatan adalah berbeza dari segi sikap beretika pelajar dimana, pelajar BM232 berpandangan menipu di dalam pembelajaran adalah tidak beretika. Ini adalah seimbang dimana, pelajar BM232 berpandangan perbuatan tidak beretika adalah salah tidak kira di dalam pembelajaran mahupun bidang perniagaan.

**Soalan Kajian 3: Wujudkah hubungkait diantara perilaku pelajar BM232 dan pandangan terhadap sikap beretika di dalam menguruskan perniagaan?**

Jadual berikut menunjukkan keputusan ujian korelasi Pearson di antara Sikap Beretika Pelajar dengan Pandangan Pelajar terhadap Sikap Beretika di dalam Perniagaan.

Jadual 6: Ujian Korelasi Pearson untuk Perkaitan di antara Sikap Beretika Pelajar dengan Pandangan Pelajar terhadap Sikap Beretika di dalam Perniagaan

		Sikap Beretika	Pandangan sikap eretika dalam perniagaan
Sikap beretika	Pearson Correlation	1	.064
	Sig. (2-tailed)		.562
	N	85	85
Pandangan sikap beretika dalam perniagaan	Pearson Correlation	0.64	1
	Sig. (2-tailed)	.562	
	N	85	85

Keputusan ujian korelasi Pearson seperti Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa Sikap Beretika Pelajar dengan Pandangan Pelajar adalah (.652). Ini menunjukkan wujudnya korelasi positif yang kuat diantara 2 variable ini. Dimana semakin tinggi sikap beretika pelajar, semakin jelas pandangan atau tafsiran pelajar kepada keadaan atau sikap tidak beretika. Kajian (Park, 2003) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai etika yang tinggi akan kurang melakukan perkara tidak beretika daripada mereka yang mempunyai etika yang rendah yang lebih cenderung melakukan perbuatan tidak bermoral.

## 8. Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan menunjukkan pelajar BM232 mempunyai sikap beretika yang tinggi dalam pembelajaran dimana mereka faham dan sedar akan sikap tidak beretika di dalam pembelajaran. Ini dapat dikaitkan dengan banyak sebab dan faktor seperti pembelajaran konsep etika, didikan dari kecil, budaya dan persekitaran akan kepentingan konsep beretika. Pelajar juga turut mengambil subjek yang mempelajari subjek etika dalam perniagaan dan ini mungkin juga dapat mendidik pelajar akan kepentingan sikap beretika. Kajian dari Suwardi et. al, 2014 bahawa etika adalah sesuatu yang dapat dibentuk melalui pembelajaran kerana ianya menjadikan seseorang akan lebih peka terhadap perlakuan beretika walaupun ianya bukanlah jaminan untuk seseorang akan bersikap beretika. Selain itu juga, kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa pelajar faham akan penyelewengan dalam perniagaan adalah sesuatu yang tidak beretika. Hasil kajian ini menunjukkan keseimbangan diantara perlakuan pelajar dan pandangan pelajar terhadap sikap beretika. Ini adalah selaras dengan kajian dari Park (2003) dimana pelajar yang mempunyai etika yang tinggi akan kurang melakukan perkara tidak beretika daripada mereka yang mempunyai etika yang rendah yang lebih cenderung melakukan perbuatan tidak bermoral. Hasil kajian yang terakhir iaitu melalui ujian korelasi Pearson membuktikan bahawa terdapat hubungan kait yang kuat diantara sikap beretika pelajar dan pandangan sikap beretika di dalam perniagaan. Ini adalah bertentangan dengan kajian daripada Lawson (2014) dimana pelajar mendapati menipu di dalam pembelajaran adalah biasa tetapi menyeleweng di dalam perniagaan adalah sangat tidak beretika. Pandangan beretika adalah berbeza-beza mengikut individu dimana adalah yang berpendapat sesuatu perbuatan itu salah malah adalah individu lain merasakan perbuatan itu tidak salah. Namun bagi pelajar BM232, mereka mempunyai sikap dan pandangan yang sama terhadap semua perlakuan tidak beretika di dalam pembelajaran mahupun perniagaan.

## 9. Cadangan

Dengan mempertimbangkan semua dapatan di dalam kajian ini, dirasakan adanya ruang dan keperluan untuk meningkatkan lagi sikap beretika di kalangan pelajar. Walaupun kajian ini menunjukkan pelajar tinggi bersikap etika namun fokus kajian ini hanya melibatkan pelajar dari satu program sahaja. Dicadangkan agar, kajian akan datang akan menggunakan populasi sampel yang berbeza seperti meliputi program-program lain di fakulti yang sama, dan juga program-program di fakulti yang lain. Ini mampu untuk mendapatkan satu kesimpulan yang lebih tepat dan jitu. Kajian yang sama tetapi dengan skop yang berbeza seperti di kalangan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS di dalam negara dicadangkan. Selain itu, adalah dicadangkan agar kajian mengenai sikap beretika di kalangan pekerja juga harus dilakukan untuk dapat mengupas mengapa isu penyelewengan masih lagi menjadi isu di dalam negara jika sistem pembelajaran etika telah diperkenalkan di peringkat sekolah dan universiti.

## 10. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada semua pihak yang berkepentingan. Kepada pelajar diharapakan bahawa kepentingan sikap beretika ini adalah penting kerana tahap pemahaman dan pemikiran mereka akan menjadi penentu kepada generasi akan datang. Kepada institusi pendidikan supaya lebih menitik beratkan lagi konsep dan kefahaman keperluan sikap beretika supaya ianya menjadi amalan dan bukannya hanya diperkenalkan secara teori. Kepada masyarakat pula, diharapkan juga agar terus mengamalkan dan memahami kepentingan sikap beretika secara keseluruhannya.



## 11. Rujukan

- Ballantine, J. A., Xin Guo & Larres, P. (2016). Can Future Managers and Business Executives be Influenced to Behave more Ethically in the Workplace? The Impact of Approaches to Learning on Business Students' Cheating Behavior. *J Bus Ethics*, pp. 149:245–258 Reterived from <https://doi.org/10.1007/s10551-016-3039-4>
- Baumgar, R. (1961) "How Ethical Are Businessman?" *Harvard Business Review* 39 (July –August), 6-31.
- Cole, B. C & Smith, D. L (1996). Perceptions of business ethics: Students vs. business people. *Journal of Business Ethics* (15) pg. 889. Retrieved from <https://www.jstor.org/stable/25072814>
- CPSI Tidak Beri Gambaran Tepat – SPRM. *Berita Harian* (2018). Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/391646/cpi-tidak-beri-gambaran-tepat-sprm>
- Diekhoff, G. M., E. E. Labeff, K. Shinohara, and H. Yasukawa. 1999. "College Cheating in Japan and the United States." *Research in Higher Education* 40 (3): 343–353
- Harding, S. T., Carpenter, D. D., Finelli, J. C. & Passow, H. J. (2004). Does Academic Dishonesty Relate to Unethical Behavior in Professional Practice? An Exploratory Study. *Science and Engineering Ethics Volume 10, Issue 2*. Retrieved from <https://www.semanticscholar.org/paper/Does-academic-dishonesty-relate-to-unethical-in-An-Harding-Carpenter/2937951322286c4055acebf1c4109eb3a83ad8a2>
- Imran, A., and M. Nordin. 2013. "Predicting the Underlying Factors of Academic Dishonesty among Undergraduates in Public Universities: A Path Analysis Approach." *Journal of Academic Ethics* 11 (2): 103–120.
- Lawson, R. A. (2004). Is Classroom Cheating Related to Business Students' Propensity to Cheat in the "Real World". *Journal of Business Ethics*, Vol. 49 pp. 189-199. Retrieved from <https://link.springer.com/article/10.1023/B:BUSI.0000015784.34148.cb>
- Rohatyn, F.G. 1987. "Ethics in America's Money Culture". *New York Times* (Juni): A27.
- McCabe, D. L., and L. K. Trevino. 1993. "Academic Dishonesty Honor Codes and Other Contextual Influences." *The Journal of Higher Education* 64 (5): 522–538.
- McCabe, D. L., and L. K. Trevino. 1997. "Individual and Contextual Influences on Academic Dishonesty: A Multicampus Investigation." *Research in Higher Education* 38 (3): 379–396.
- Park, C. 2003. "In Other (People's) Words: Plagiarism by University Students – Literature and Lessons." *Assessment & Evaluation in Higher Education* 28 (5): 471–488.
- Stuhmcke, A., T. Booth, and J. Wangmann. 2016. "The Illusory Dichotomy of Plagiarism." *Assessment & Evaluation in Higher Education* 41 (7): 982–995.
- Suwardi Eko, Artiningishi Arika, dan Novawan, M. Ridwan (2014). Student Perception On Business Ethics. *Journal of Indonesian Economy and Business* Volume 29, Number 3, pp. 251 – 258. Retrieved from <https://www.journal.ugm.ac.id/jieb/article/view/6472>
- Yinxia Zhang, Hongbiao Yin & Li Zheng (2018) Investigating academic dishonesty among Chinese Undergraduate Students: Does Gender Matter?, *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 43:5, 812-826, DOI: 10.1080/02602938.2017.1411467.